



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN NEGARA PUAN YANG TERUTAMA DAME CINDY KIRO, GABENOR JENRAL NEW ZEALAND KE MALAYSIA, 1 – 4 OKTOBER 2023

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, telah mengampuni perkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama (PYT) Dame Cindy Kiro, Gabenor Jeneral New Zealand yang akan mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia dari 1 hingga 4 Oktober 2023. Lawatan ini merupakan lawatan sulung PYT Dame Cindy Kiro ke Malaysia dan rantau Asia Tenggara setelah menjawat jawatan Gabenor Jeneral New Zealand pada 21 Oktober 2021. Kali terakhir New Zealand mengadakan Lawatan peringkat Ketua Negara ke Malaysia, adalah pada 5 hingga 8 Disember 2017 yang lalu, oleh PYT Dame Patsy Reddy. Semasa lawatan kali ini, Gabenor Jeneral akan diiringi oleh pasangannya, Tuan Yang Terutama Dr. Richard Davies, dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan New Zealand.

Antara acara kemuncak Lawatan ini adalah Istiadat Sambutan Negara di Istana Negara, Kunjungan Mengadap ke atas KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan Majlis Santapan Negara bagi meraikan PYT Dame Cindy Kiro. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, juga dijadual akan mengadakan pertemuan dengan PYT Dame Cindy Kiro.

Lawatan ini mencerminkan kepentingan hubungan dua hala yang telah lama terjalin dan pelbagai bentuk jalinan kerjasama, yang telah ditingkatkan secara rasmi ke tahap Kerjasama Strategik pada Mei 2023. New Zealand merupakan rakan dagangan kedua terbesar Malaysia di rantau Pasifik. Sehingga Jun 2023, jumlah dagangan keseluruhan bagi kedua-dua negara bernilai RM6.32 bilion (USD1.42 bilion), iaitu meningkat sebanyak 15.3 peratus berbanding RM5.48 bilion (USD1.27 bilion) bagi tempoh sama pada 2022.

PUTRAJAYA
1 Oktober 2023



WISMA PUTRA